



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANALISIS FAKTOR PENGANGGURAN DI KALANGAN GRADUAN DI TAMAN KOPERASI, JERANTUT, PAHANG

AYUNI IZYAN BINTI MD BASIR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ANALISIS FAKTOR PENGANGGURAN DI KALANGAN GRADUAN DI
TAMAN KOPERASI, JERANTUT, PAHANG

AYUNI IZYAN BINTI MD BASIR



LAPORAN KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA EKONOMI (KEWANGAN
ISLAM) DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022





Sila tanda (✓)

Kertas Projek	☐
Sarjana Penyelidikan	☐
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus	☐
Doktor Falsafah	☐

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 21 Februari 2022

i. Perakuan pelajar :

Saya, AYUNI IZYAN BINTI MD BASIR, D20181082111, FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk ANALISIS FAKTOR PENGANGGURAN DI KALANGAN GRADUAN DI TAMAN KOPERASI, JERANTUT, PAHANG adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasasnya dan secukupnya

 05-4506832
 pustaka.upsi.edu.my
 Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
 PustakaTBainun
 ptbupsi



Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Dr Nurhanani Romli dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Analisis Faktor Pengangguran Di Kalangan Graduan Di Taman Koperasi, Jerantut, Pahang dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kewangan Islam) dengan kepujian.

21 Februari 2022

Tarikh



Tandatangan Penyelia



PENGHARGAAN

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan izin kurnia-Nya, kajian ilmiah ini telah berjaya disiapkan. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan sejuta penghargaan ditujukan kepada Dr. Nurhanani Binti Romli selaku pensyarah penyelia projek akhir tahun saya atas segala tunjuk ajar dan panduan yang telah diberikan sepanjang menjalankan kajian dan menyiapkan penulisan ini. Sokongan dan bimbingan yang penuh dengan kesabaran dalam membantu saya menyiapkan penulisan amatlah dihargai.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada ahli keluarga iaitu ibu bapa saya atas sokongan moral dan kewangan sepanjang tempoh saya menjalankan kajian ini. Tanpa sokongan kalian, saya pasti tidak dapat disiapkan dengan jayanya. Terima kasih sekali lagi diucapkan atas segala-galanya.

Tidak terkecuali juga ucapan penghargaan buat sahabat - sahabat seperjuangan iaitu Salsabilah, Nurzuliana dan Aisyatul Balqis yang banyak membantu saya dalam menyiapkan projek ini. Terima kasih juga untuk segala perkongsian ilmu dan kesanggupan meluangkan masa dan tenaga untuk membantu saya menyiapkan kajian ilmiah ini.

Akhir sekali, terima kasih buat para responden yang sudi meluangkan masa bagi menjawab soal selidik yang telah diedarkan kepada mereka. Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam membantu saya menyempurnakan projek tahun akhir.



ABSTRAK

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengkaji faktor – faktor yang mempengaruhi kadar pengangguran dalam kalangan graduan. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan instrument borang soal selidik bagi mengumpul maklumat – maklumat yang diperlukan. Seramai 152 graduan yang dipilih sebagai responden melalui pensampelan bertujuan. Hasil kajian menunjukkan majoriti responden mengetahui mengenai pengangguran pada tahap yang sangat tinggi. Dapatan analisis regresi berbilang membuktikan bahawa faktor individu ($\beta = 0.135$, $p = 0.017$) dan faktor ekonomi ($\beta = 0.407$, $p = 0.000$) adalah signifikan positif. Manakala, hanya faktor atribut graduan ($\beta = -0.087$, $p = 0.433$) didapati tidak signifikan. Analisis korelasi pula menunjukkan bahawa hubungan dan kesan di antara tahap pengetahuan mengenai pengangguran dengan faktor individu, faktor ekonomi dan faktor atribut graduan. Kesimpulannya, kadar pengangguran dalam kalangan graduan dipengaruhi oleh faktor diri dan faktor ekonomi. Implikasi kajian menyetengahkan kursus dan latihan bagi meningkatkan kualiti graduan bagi menjamin masa hadapan mereka.

ANALYSIS OF UNEMPLOYMENT FACTORS AMONG GRADUATES IN TAMAN KOPERASI, JERANTUT, PAHANG

ABSTRACT

The main purpose of this study is to examine the factors that influence the unemployment rate among graduates. This study uses a quantitative method by using a questionnaire instrument to collect the necessary information. A total of 152 graduates were selected as respondents through purposive sampling. The results showed that the majority of respondents knew about unemployment at a very high level. The findings of multiple regression analysis proved that individual factors ($\beta = 0.135$, $p = 0.017$) and economic factors ($\beta = 0.407$, $p = 0.000$) were significantly positive. Meanwhile, only the graduate attribute factor ($\beta = 0.087$, $p = 0.433$) was found to be insignificant. Correlation analysis showed that the relationship and effect between the level of knowledge about unemployment with individual factors, economic factors and graduate attribute factors. In conclusion, the unemployment rate among graduates is influenced by self -factors and economic factors. The implications of the study highlight courses and training to improve the quality of graduates to ensure their future.



ISI KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI SIMBOL/SINGKATAN/ISTILAH.....	ix
BAB 1	1
Pengenalan	1
1.1 PENDAHULUAN.....	1
1.2 LATAR BELAKANG.....	2
1.3 PERNYATAAN MASALAH.....	4
1.4 OBJEKTIF KAJIAN	6
1.5 PERSOALAN KAJIAN	7
1.6 KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN	8
1.7 DEFINISI OPERASIONAL	9
1.8 BATASAN KAJIAN.....	10
1.9 KEPENTINGAN KAJIAN.....	11
1.9.1 Graduan.....	11
1.9.2 Kerajaan.....	11
1.9.3 Masyarakat.....	12
1.10 RUMUSAN	13
BAB 2:.....	14
TINJAUAN LITERATUR	14
2.1 PENGENALAN.....	14
2.2 TEORI KAJIAN	15
2.2.1 Teori John Maynard Keynes	15
2.2.2 Teori David Ricardo	15
2.3 DEFINISI PENGANGGURAN	16
2.4 FAKTOR PENGANGGURAN	18



2.5 KAJIAN LEPAS	19
2.5 RUMUSAN	36
BAB 3	37
METODOLOGI KAJIAN.....	37
3.1 PENGENALAN.....	37
3.2 REKA BENTUK KAJIAN.....	38
3.3 POPULASI, SAMPEL DAN TEKNIK PERSAMPELAN	39
3.3.1 Populasi.....	39
3.3.2 Sampel.....	39
3.3.3 Teknik persampelan	39
3.4 INSTRUMEN KAJIAN	41
3.4.1 Bahagian A : Profil responden.	41
3.4.2 Bahagian B : Tahap pengetahuan responden mengenai pengangguran.	41
3.4.3 Bahagian C – Faktor peningkatan kadar pengangguran.	44
3.5 KAJIAN RINTIS	47
3.6 KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN.....	48
3.6.1 Kesahan.....	48
3.6.2 Kebolehpercayaan.....	48
3.7 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA.....	49
3.8 PROSES PENGANALISIAN DATA	50
3.8.1 Min.....	50
3.8.2 Sisihan piawai.....	50
3.8.3 Frekuensi	51
3.8.4 Korelasi	51
3.8.5 Regresi berganda	51
3.9 RUMUSAN	52
BAB 4	53
DAPATAN KAJIAN	53
4.1 PENGENALAN.....	53
4.2 PROFIL DEMOGRAFI RESPONDEN	54
4.2.1 Profil sampel mengikut jantina.....	54
4.2.2 Profil sampel mengikut umur.	55
4.2.3 Profil sampel mengikut status.	55
4.2.4 Profil sampel mengikut tahap pendidikan.	56

4.2.5 Profil sampel mengikut agama.	57
4.2.6 Profil sampel mengikut status pekerjaan.....	57
4.3 TABURAN KENORMALAN.....	58
4.4 Objektif 1: Mengkaji tahap pengetahuan mengenai pengangguran dalam kalangan graduan di Taman Koperasi, Jerantut, Pahang.	59
4.5 Objektif 2: Mengenalpasti faktor – faktor yang menyebabkan peningkatan pengangguran dalam kalangan graduan di Jerantut, Pahang.	61
4.6 Objektif 3: Menganalisis hubungan dan kesan di antara pembolehubah dan faktor – faktor yang terpilih.	64
4.7 RUMUSAN	66
BAB 5	67
PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN	67
5.1 PENGENALAN.....	67
5.2 PERBINCANGAN HASIL DAPATAN	68
5.2.1 Objektif 1: Mengkaji tahap pengetahuan mengenai pengangguran dalam kalangan graduan di Taman Koperasi, Jerantut, Pahang.	68
5.2.2 Objektif 2: Mengenalpasti faktor – faktor yang menyebabkan peningkatan pengangguran dalam kalangan graduan di Jerantut, Pahang.	69
5.2.3 Objektif 3: Menganalisis hubungan dan kesan di antara pembolehubah dan faktor – faktor yang terpilih.	71
5.3 CADANGAN DAN PENAMBAHBAIKAN	72
5.3.1 Kerajaan.	72
5.3.2 Pensyarah.	73
5.3.3 Graduan.	73
5.3.4 Masyarakat.	73
5.4 RUMUSAN	74
RUJUKAN	75

**SENARAI JADUAL**

NO.	TAJUK	MUKA
JADUAL		SURAT
Jadual 2.1	Ringkasan bagi dapatan mengikut artikel.	32
Jadual 3.1	Penggunaan Skala Likert Dalam Borang Soal Selidik	39
Jadual 3.2	Soalan di bahagian A mengenai latar belakang responden.	39
Jadual 3.3	Soalan di bahagian B mengenai tahap pengetahuan graduan.	40
Jadual 3.4	Soalan di bahagian C mengenai faktor peningkatan kadar pengangguran.	41-43
Jadual 3.5	Nilai Cronbach alfa mengikut pembolehubah.	44
Jadual 3.6	Jadual Interpretasi Skor Alfa Cronbach	46
Jadual 4.1	Profil sampel mengikut jantina	50
Jadual 4.2	Profil sampel mengikut umur.	51
Jadual 4.3	Profil sampel mengikut status.	51
Jadual 4.4	Profil sampel mengikut tahap pendidikan.	52
Jadual 4.5	Profil sampel mengikut agama.	53
Jadual 4.6	Profil sampel mengikut status pekerjaan.	53-54
Jadual 4.7	Ujian skewness dan kurtosis.	54
Jadual 4.8	Penentuan Tahap Pemboleh Ubah Berdasarkan Petunjuk Skor Min	55



Jadual 4.9	Tahap pengetahuan mengenai pengangguran dalam kalangan graduan.	55
Jadual 4.10	Ringkasan Model	57
Jadual 4.11	Analisis Regresi Pelbagai untuk Peningkatan Kadar Pengangguran dalam Kalangan Graduan	58
Jadual 4.12	Kekuatan hubungan mengikut nilai pekali korelasi	60
Jadual 4.13	Analisis Korelasi Pearson	60

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
-----------	-------	------------

Rajah 1	Kerangka konseptual	8
Rajah 2	Senarai pemboleh ubah bersandar	32

SENARAI SIMBOL/SINGKATAN/ISTILAH

SENARAI SIMBOL/SINGKATAN	MAKSUD
%	Peratus
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
COVID-19	Coronavirus

PERKESO	Pertumbuhan Keselamatan Sosial
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia
UA	Universiti Awam
FPQS	Fakulti Pengajian Quran Sunnah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PKS	Perniagaan Kecil Sederhana
KDNK	Keluaran dalam negara kasar
CPI	Indeks harga pengguna
FOREX	Kadar pertukaran asing
CEM	Kebolehpasaran graduan
UPM	Universiti Putra Malaysia

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Dalam era globalisasi ini, pengangguran telah menjadi isu dan fenomena global di seluruh dunia. Tidak kira betapa miskin atau kaya negara itu, ia biasanya akan mengalami masalah pengangguran yang tidak terkawal. Pengangguran ditafsirkan sebagai seseorang pada usia bekerja menuntut pekerjaan sepenuh masa tetapi dia tidak dapat memperolehnya. Terdapat dua cabang utama pengangguran iaitu pengangguran sukarela dan tidak sukarela. Pengangguran yang sukarela dimaksudkan apabila seorang individu yang berhenti pekerjaan semasa mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang lain manakala pengangguran tidak sukarela dimaksudkan apabila individu diberhentikan daripada pekerjaan mereka dan perlu mencari pekerjaan baru (Ruth, 2014).

Pengangguran merupakan isu global sejak beberapa tahun kebelakangan yang bukan sahaja terjadi di negara yang maju malah juga berlaku di negara yang membangun dengan jumlah penduduk yang semakin meningkat. Masalah ini timbul

apabila sumber dalam negara tidak digunakan sepenuhnya dengan cekap. Oleh itu, hal ini akan membawa terhadap perkembangan ekonomi yang lebih perlahan serta juga masalah ekonomi lain seperti kemiskinan bandar dan luar bandar, pendidikan, peningkatan kadar jenayah akan berlaku dan masalah dalam sosial (Nur, 2017)

Kajian yang dijalankan adalah tentang faktor peningkatan kadar pengangguran dalam kalangan graduan. Jika masalah pengangguran tidak diatasi, hal ini boleh mendatangkan kebimbangan dalam negara seperti peningkatan kadar jenayah dan kadar kematian. Hal ini kerana pengangguran mengurangkan produktiviti negara serta tenaga kerja yang sudah sedia ada tidak digunakan sebaiknya. Di samping itu, bab ini turut menjelaskan tentang pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kerangka konseptual, kepentingan kajian, limitasi kajian dan definisi operasional.

1.2 LATAR BELAKANG

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), pengangguran merujuk kepada keadaan seseorang itu tiada pekerjaan kerana kesukaran mencari pekerjaan atau pemberhentian kerajaan dan keadaan cuaca tidak mengizinkan bekerja. Satu pertiga daripada penganggur, terutamanya penganggur muda, mesti menunggu setahun sebelum masuk pasaran buruh, terutamanya memasuki pasaran buruh sektor formal. Mereka adalah orang yang dikenali sebagai "pencari kerja yang berpendidikan kritis" (Allen, 2016). Jika isu pengangguran tidak diatasi, golongan belia, bangsa dan masyarakat akan terkesan dalam kehidupan.

Di Afrika Selatan merupakan negara yang mengalami peningkatan kadar pengangguran. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat peningkatan bilangan pekerja meningkat daripada 9.5 juta pada tahun 1995 kepada 15.2 juta pada tahun 2014. Bilangan penganggur meningkat daripada 2 juta kepada 5.2 juta dalam tempoh yang sama, mengakibatkan kadar pengangguran meningkat daripada 17.6% kepada 25.4% (Hendriks, 2016).

Afrika Selatan mempunyai kadar pengangguran melebihi 30% dan kelaparan yang meluas. Kesan pandemik terhadap negara adalah serius, menurut Biro Perangkaan Kebangsaan negara itu, kadar pengangguran melonjak kepada 13.1% pada bulan Julai, paras tertinggi dalam tempoh 16 tahun yang lalu. Institut Perangkaan meramalkan bahawa ia akan terus meningkat (Suzanne Clulow, 2020).

Menurut laporan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa, sebanyak 200 juta orang atau 6% daripada tenaga buruh menganggur di seluruh dunia pada tahun 2012 (Muhammad Rafii Ibrahim, 2020). Pengarah Perangkaan Malaysia, Datuk Seri Mohd Uzr Mahiddin, berkata dengan pelaksanaan penularan Coronavirus (Covid-19) dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kadar pengangguran di Malaysia menunjukkan tempat yang berada di bawah 4.0% sejak 1993. Menurut Statistik Malaysia, kadar pengangguran negara meningkat secara mendadak daripada 3.3% pada Februari kepada 3.9% pada Mac (Ahmad Kamel Mohamed, 2020).

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Pengangguran ialah antara masalah makroekonomi yang perlu diselesaikan oleh setiap negara dan ia merupakan penunjuk keupayaan ekonomi untuk mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat. Kemelesetan dalam ekonomi negara membuatkan penurunan permintaan adalah sebab yang berlakunya peningkatan kadar pengangguran di Malaysia terhadap barangan sehingga menyebabkan pengeluaran barangan berkurangan. Di Malaysia, peningkatan kadar pengangguran negara mengalami peningkatan yang drastik akibat pandemik covid – 19 (Ahmad Kamel Mohamed, Abdulloh Salaeh, Amran Abdul Halim, Syed Ahmad Tarmizi Syed Omar, 2020).

Peningkatan kadar pengangguran berlaku disebabkan oleh persaingan dalam mendapatkan pekerjaan adalah sangat tinggi (Rozniza Aznie Che Rose, Nur Hanis Misrin, Noordeyana Tambi, Junaidi Awang Besar, 2020). Graduan yang bakal dilahirkan hendaklah bersaing sesama sendiri bagi memenuhi keperluan dalam pasaran kerja. Kepelbagaian kemahiran dalam kualiti graduan akan memberikan kelebihan dan peluang yang tinggi dalam pasaran kerja. Hal ini dapat memberi kelebihan bagi pihak majikan kerana mereka boleh membuat pilihan apabila berhadapan dengan perubahan dalam ketidaktentuan ekonomi sekarang. Graduan dan bakal graduan perlu membuat persediaan menghadapi persaingan dengan menyediakan kepelbagaian dalam kebolehan, mempunyai keupayaan keusahawanan yang tinggi dan dapat menyesuaikan diri dengan keadaan semasa dengan lebih cepat.

Seterusnya, masalah kadar pengangguran dalam kalangan graduan adalah disebabkan oleh perubahan teknologi (Aziz, 2020). Dengan perkembangan terkini, kebanyakan industri dan pengurusan syarikat dijalankan dalam talian. Ini telah mengubah corak kerja dan kaedah kerja baharu. Kemahiran digital diperlukan segera.

Oleh itu, kemahiran dalam penggunaan perisian asas adalah penting bagi graduan kerana kemahiran tersebut dapat menyelesaikan tugas dalam talian, membuat perbincangan dalam talian dan sebagainya. Malah, kemahiran dalam pengaturcaraan adalah masalah yang lebih kompleks. Kemahiran dalam keusahawanan turut amat diperlukan bagi pihak majikan. Kepelbagaian ini amat penting bagi keadaan semasa dan penyelesaian perlu dicari segera. Oleh itu, perniagaan dapat bertindak balas dengan lebih pantas kepada situasi semasa dan meningkatkan kualiti mutu produk yang dikeluarkan dan perkhidmatan merujuk kepada norma yang baharu.

Di samping itu, kadar pengangguran dalam kalangan graduan semasa pandemik disebabkan oleh kekurangan peluang pekerjaan. Menurut Prof Madya Dr Mohd Yusof Saari selaku Ketua Ekonomi, Pusat Kajian Pasaran Buruh Masa Hadapan EIS-UPMCS, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menyatakan melalui akhbar Berita Harian Online bahawa graduan institusi pengajian tinggi (IPT) mesti menerima hakikat bahawa kebanyakan industri terjejas akibat pandemik Covid-19, peluang pekerjaan kini semakin berkurangan. Kajian lepas mendapati kadar ketidakpadanan semakin berkembang. Oleh kerana bilangan graduan yang dilahirkan di IPT tidak sepadan dengan bilangan pekerjaan yang disediakan oleh industri, mereka berharap dapat mengurangkan kos pengeluaran dan operasi, jadi peluang pekerjaan siswazah adalah terhad. Lebih menjimatkan untuk mengambil bukan siswazah. Masalah peluang pekerjaan yang terhad ini akan mengambil masa yang lama untuk diperbaiki kerana ia bersifat struktural.

Akhir sekali, pengkaji tertarik melakukan kajian mengenai analisis faktor peningkatan kadar pengangguran di kalangan graduan di Taman Koperasi, Jerantut, Pahang kerana pengkaji mendapati kajian lepas mengenai tajuk tersebut adalah terhad.



Kajian yang dijalankan dapat menerangkan tentang sebab peningkatan kadar pengangguran berlaku dalam kalangan graduan.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ialah elemen yang mesti ada dalam sesuatu kajian. Hal ini kerana objektif kajian ialah elemen yang menentukan haluan semasa kajian dilakukan. Kajian yang dilakukan tanpa objektif adalah kajian yang tidak lengkap kerana tidak mempunyai hala tuju dalam kajian itu dijalankan. Bagi kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti tiga objektif yang akan digunakan semasa kajian ini dijalankan.

1. Mengkaji tahap pengetahuan mengenai pengangguran dalam kalangan graduan di Taman Koperasi, Jerantut, Pahang.
2. Mengenalpasti faktor – faktor yang menyebabkan peningkatan pengangguran dalam kalangan graduan di Taman Koperasi, Jerantut, Pahang.
3. Menganalisis hubungan dan kesan di antara pembolehubah dan faktor – faktor yang terpilih.





1.5 PERSOALAN KAJIAN


Persoalan kajian merupakan masalah kajian yang dikeluarkan sebagai soalan yang menjadi fokus kepada kajian yang dijalankan. Persoalan kajian juga mempunyai kesinambungan dengan objektif kajian dari segi permasalahan kajian. Kedua perkara ini adalah saling berkait dan menjadi panduan bagaimana kajian ini akan dilakukan bagi menjawab persoalan atau permasalahan tersebut. Di dalam kajian dijalankan, pengkaji telah mengenal pasti tiga persoalan kajian yang akan menjadi panduan semasa melakukan kajian ini iaitu:

1. Sejauhmanakah tahap pengangguran dalam kalangan graduan di Taman Koperasi, Jerantut, Pahang?
2. Apakah faktor – faktor yang menyebabkan peningkatan pengangguran dalam kalangan graduan di Taman Koperasi, Jerantut, Pahang?
3. Bagaimanakah hubungan dan kesan diantara pembolehubah dan faktor – faktor yang terpilih?



1.6 KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Rajah 1 : Kerangka konseptual.



Rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual yang digunakan dalam kajian ini. Terdapat dua pemboleh ubah tidak bersandar yang digunakan di dalam kajian iaitu faktor peningkatan kadar pengangguran dan tahap kadar pengangguran dalam kalangan graduan di Taman Koperasi, Jerantut, Pahang. Pemboleh ubah yang bersandar pula adalah kadar pengangguran dalam kalangan graduan di Taman Koperasi, Jerantut, Pahang. Menurut kajian (Ahmad Kamel Mohamed, Abdulloh Salaeh, Amran Abdul Halim, Syed Ahmad Tarmizi Syed Omar, 2020) tentang Kesan Covid-19 Terhadap Kebolehpasaran Graduan IPT: Pelan Tindakan Kepada Pelajar Fakulti Pengajian Quran & Sunnah, USIM.



1.7 DEFINISI OPERASIONAL

Definisi operasional adalah dimensi penyelidikan yang menyediakan data untuk pengkaji mengetahui bagaimana kaedah menilai sesuatu pemboleh ubah. Definisi operasi adalah panduan yang betul dalam mengukur pemboleh ubah. Ia juga mampu menghindari kesalahan tafsiran yang berkaitan dengan istilah di dalam sebarang tajuk kajian. Sesuai dengan tajukkajian ini iaitu “Analisis Faktor Peningkatan Kadar Pengangguran Dalam Kalangan Graduan di Taman Koperasi, Jerantut, Pahang”. Antara definisi operasional yang perlu dijelaskan adalah:

1. Pengangguran.

Pengangguran merupakan masalah ekonomi yang dihadapi oleh semua negara. Masalah ini akan menyebabkan beberapa kesan buruk ekonomi, politik dan sosial. Dalam sesebuah negara, pengangguran merupakan faktor penting yang mempengaruhi pertumbuhan ekonomi. Apabila kadar pengangguran kekal meningkat, ia akan memberi impak negatif terhadap ekonomi sesebuah negara, seterusnya menjejaskan kesejahteraan sosial. Pengangguran ialah tenaga buruh yang belum mendapat pekerjaan tetapi sedang mencari pekerjaan atau orang yang langsung tidak mencari pekerjaan dan oleh itu tidak mempunyai pekerjaan (Annissa Nabella, Aliasuddin, 2017)

2. Graduan.

Graduan berasal dari bahasa Latin graduandus, dan kini dipanggil graduan dalam bahasa Melayu, bermaksud graduan universiti yang mendapat ijazah mereka pada majlis graduasi (Nadarajan, 2018). Selain itu, graduan merujuk kepada graduan kolej yang mempunyai atau tidak mempunyai pekerjaan di dalam dan luar negara. Graduan adalah pelajar yang telah menamatkan pengajian dan menerima ijazah.





1.8 BATASAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa batasan iaitu kajian ini hanya menumpukan kepada graduan yang berada di Taman Koperasi, Jerantut, Pahang sahaja. Graduan yang dipilih adalah graduan daripada universiti awam dan universiti swasta. Graduan adalah mahasiswa yang sudah menamatkan pengajian tidak kira dalam kategori ijazah sarjana muda, sarjana dan lain – lain kategori.

Seterusnya, kajian ini hanya tertumpu kepada graduan universiti pengedaran boring soal selidik melalui ‘google form’ adalah kaedah bagi pengumpulan data responden dalam kajian yang dijalankan dan hanya dilakukan secara atas talian bagi mengelakkan penularan wabak covid-19. Ketersediaan responden untuk menjawab soal selidik tersebut turut diambil kira.



covid-19 di Malaysia iaitu pada bulan Mac 2020. Pelaksanaan PKP telah menyebabkan sektor ekonomi negara merosot. Namun kehadiran pandemik telah memberi impak kepada kadar pengangguran di seluruh dunia. Oleh itu, dengan mengambil kira batasan yang dihadapi maka objektif kajian dapat dicapai.

Sumber data utama ialah orang yang ditemu bual dan orang dalam. Orang yang ditemu bual berbeza dengan orang dalam. Responden merupakan sumber data tentang kepelbagaian gejala, berkaitan perasaan, tabiat, sikap, motivasi, dan persepsi. Responden dalam kajian yang dijalankan adalah yang menetap di Taman Koperasi, Jerantut, Pahang.

Populasi ialah kumpulan adalah merujuk kepada sekumpulan individu, objek, atau objek kejadian yang mempunyai ciri yang serupa (Jasmi, 2012). Populasi bagi



kajian yang dijalankan adalah di daerah Jerantut, Pahang. Jumlah populasi yang dijalankan dalam kajian adalah sebanyak 250 orang.

Persampelan ialah mengambil sebahagian kecil populasi sebagai wakil populasi tersebut atau merupakan pengambilan yang sebahagian pecahan daripada suatu populasi bagu mewakili populasi tersebut. Persampelan yang dijalankan adalah di kawasan Taman Koperasi, Jerantut, Pahang. Jumlah persampelan yang diperlukan dalam kajian yang dijalankan adalah 152 responden.

1.9 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini amat penting dan memberi impak yang positif kepada semua pihak, seperti berikut:

1.9.1 Graduan

Hasil dapatan daripada kajian yang dijalankan adalah dapat membuka mata graduan di Malaysia bahawa banyak alternatif lain dalam menjana pendapatan harian. Mereka perlu rajin berusaha dalam mencari pekerjaan dan mempelbagaikan kemahiran dalam diri. Kemahiran yang pelbagai ada dalam diri seseorang itu akan memudahkan mendapat pekerjaan seperti kemahiran berkomunikasi dan kemahiran menggunakan komputer.

1.9.2 Kerajaan

Kajian yang dijalankan berharap agar kerajaan mengambil inisiatif terhadap golongan yang terkesan kerana boleh memudaratkan mereka dalam kehidupan seharian. Peluang

pekerjaan mestilah diperluaskan supaya mereka yang terkesan dapat pekerjaan dan mampu menyara kehidupan seharian. Selain bantuan kewangan, kerajaan juga boleh menyediakan kelas kemahiran yang pelbagai supaya dapat melahirkan golongan yang berkemahiran dalam pelbagai aspek.

1.9.3 Masyarakat

Hasil dapatan daripada kajian yang dijalankan adalah dapat memberi kesedaran kepada masyarakat untuk bersedia menghadapi cabaran ketika ekonomi tidak stabil. Masyarakat yang bakal terkesan disebabkan oleh pandemik perlulah membuat bajet dalam perbelanjaan bulanan mahupun harian. Masyarakat juga boleh bersedia dengan beberapa alternatif supaya dapat menjana pendapatan dengan melakukan pelbagai kerja mengikut kemampuan diri sendiri.

1.10 RUMUSAN

Melalui bab ini, dapat dilihat tentang pernyataan masalah kajian, persoalan yang dibangkitkan, skop kajian serta batasan kajian dan definisi bagi istilah yang digunakan. Ia telah menjelaskan pernyataan masalah kajian mengenai analisis faktor peningkatan kadar pengangguran dalam kalangan graduan. Persoalan yang dibangkitkan dalam kajian ini adalah untuk memahami dan mengetahui faktor dan tahap peningkatan kadar pengangguran dalam kalangan graduan. Seterusnya, bagi skop dan batasan kajian, ia terbatas di dalam komuniti graduan di daerah Jerantut, Pahang sahaja. Bahagian definisi istilah pula dinyatakan bagi menjelaskan maksud-maksud istilah yang digunakan dalam kajian ini. Disamping itu, kajian perpustakaan yang digunakan serta kajian-kajian yang lepas mengenai penyelidikan turut dibincangkan.